

ANALISIS HAIWAN HALAL HARAM DALAM KAMUS AL-MARBAWI KARYA SHEIKH MOHD IDRIS AL-MARBAWI

Mohd Mahyeddin Mohd Sallehⁱ, Mohd Anuar Mamatⁱⁱ, Mustafa 'Afifi Ab. Halimⁱⁱⁱ,
Mohammad Najib Jaffar^{iv}, Setiyawan Gunardi^v

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. mahyeddin@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. anuarmamat@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. afifi@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. najib@usim.edu.my

^v Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. setiyawan@usim.edu.my

Abstrak

Salah satu sumber rujukan untuk mengetahui mengetahui status halal haram haiwan adalah kamus Idris al-Marbawi yang ditulis oleh Sheikh Mohd Idris al-Marbawi. Kamus ini mengandungi klasifikasi haiwan halal dan haram secara bergambar mengikut kategori hidupan tersebut. Artikel ini bertujuan mengenalpasti istilah-istilah haiwan dan menganalisis kaedah pengkategorian haiwan halal haram yang terdapat dalam karya tersebut. Artikel ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi kaedah kutipan data secara analisis dokumen terhadap istilah-istilah haiwan yang dinyatakan dalam kamus. Hasil kajian mendapati terdapat empat kategori haiwan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 181 spesis haiwan yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Sheikh Mohd Idris al-Marbawi. Sehubungan itu, usaha perlu dilakukan untuk menyesuaikan dengan istilah yang dapat difahami oleh masyarakat moden.

Kata kunci: haiwan, halal haram, kamus al-Marbawi.

PENDAHULUAN

Perbahasan ulama mengenai permasalahan haiwan kurang berkembang dari dahulu hingga kini. Perbahasan mengenainya hanya dinukilkan dari semasa ke semasa di dalam kitab-kitab fiqah, syarah hadis dan tafsir Al-Quran. Bahkan, tiada penulisan khusus dalam edisi bahasa Melayu yang membincangkan permasalahan haiwan-haiwan yang diragui status halalnya melainkan laman web tertentu yang ada membincangkan sedikit secara umum permasalahan haiwan-haiwan tersebut (Siti Halimah Putung, 2009). Selain itu, kesukaran mencari perkataan yang sepadan dalam bahasa sasaran menjadi kekangan utama kepada para penterjemah istilah dalam teks agama, terutamanya dalam bidang fiqah dan hadis.

Dalam penulisan karya terdahulu, para ulama Melayu tidak menterjemahkan istilah-istilah fiqah yang terdapat dalam buku-buku berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu kerana mereka tidak menemui perkataan yang tepat atau sepadan maknanya dalam bahasa itu (Muda, 2017; Azri & Ahmad, 2020). Bagi sesetengah pengkaji, mereka berpendapat keadaan ini berlaku kerana bagi memastikan transmisi ilmu yang paling berautoriti diperolehi. Lebih tepat lagi, karya yang dihasilkan oleh ulama alam Melayu menjadi pengantara untuk idea Islam Timur Tengah diperolehi oleh masyarakat tempatan (Rahim, Kahal & Yusof, 2016). Namun, kegagalan dalam memahami makna sebenar istilah-istilah klasik akan membataskan pengetahuan seseorang mengenai hukum hakam dalam Islam (Thohari, 2013; Muhammad Adib et al 2014; Harun Baharudin & Muhd Shahrudin, 2018).

Hasil penelitian awal terhadap beberapa karya fiqah klasik seperti *Sabil al-Muhtadin*, *Matla' al-Badrain*, *Kasyf al-Litham* dan *Furu' al-Masa'il*, terdapat beberapa contoh istilah haiwan yang tidak dikenali oleh masyarakat moden adalah seperti; keldai hutan, burung sewah, gagak padi, ayam, ikan tembakul dan ikan jejulung. Manakala dalam Kamus *al-Marbawi* pula, terdapat istilah-istilah haiwan dalam bahasa Arab yang disertakan gambar bagi setiap haiwan tetapi tanpa terjemahan, menyebabkan timbul kesukaran untuk memahami secara tepat istilah-istilah tersebut. Terdapat juga haiwan yang hanya dipaparkan gambar sahaja tanpa nama. Bahkan, masih terdapat 13 spesis haiwan yang belum dipastikan hukumnya sama ada halal atau haram, berkemungkinan disebabkan penulisnya tiada maklumat zoologi terperinci mengenainya.

Justeru, kajian yang bersifat komprehensif perlu dilakukan terhadap karya-karya ulama alam Melayu bagi menjadikannya lebih sistematik, segar, dan mudah difahami oleh masyarakat moden tempatan. Antara impak kajian adalah pembinaan glosari baharu haiwan halal haram berteraskan karya ulama alam Melayu, yang akan menggabungkan antara ilmu syariah dan zoologi. Kajian ini amat penting kerana berpotensi menjadi rujukan utama dalam aspek penentuan status haiwan halal haram, sekaligus bertindak sebagai landasan hukum kepada pelbagai produk pengguna yang berasaskan haiwan di pasaran masakini.

Biodata Sheikh Mohd Idris Al-Marbawi

Sheikh Mohd Idris al-Marbawi atau nama sebenarnya Mohamed Idris bin 'Abdul Rauf al-Marbawi dilahirkan pada 28 Zulkaedah 1313 H bersamaan 12 Mei 1893 Masihi di Masfalah, Makkah al-Mukarramah. Perkataan al-Marbawi dihujung namanya merujuk kepada kampung asal keluarganya iaitu Lubuk Merbau yang terletak 10 km dari Bandar Kuala Kangsar di negeri Perak (Jabatan Mufti Selangor, 2008). Al-Marbawi mempunyai 6 orang adik beradik dan kesemuanya mendapat pendidikan agama sehingga ke Mesir kecuali 2 saudaranya yang hanya sempat memperoleh pendidikan melalui sistem pondok di Pattani dan Tanah Melayu kerana telah meninggal pada usia muda (Mahani Mokhtar, 1990).

Beliau telah mendapat pendidikan awal seawal usia 4 tahun di mana beliau telah didedahkan dengan ilmu menghafaz al-Quran sebelum memasuki sekolah

Masfalah di kota Mekah dua tahun kemudiannya. Al-Marbawi Berjaya menghafaz 16 juzuk al-Quran ketika berusia 10 tahun serta menghafaz kitab *al-Dam dan Matan Ajrumiyyah* (Tajuddin Saman, 1993). Pada tahun 1900, al-Marbawi serta ahli keluarganya pulang ke tanah air dan meneruskan pendidikan beliau di Sekolah Melayu Lubuk Merbau (Sekolah Kebangsaan Syeikh Mohd Idris al-Marbawi), Perak sehingga lulus darjah lima pada usia 15 tahun. Kecenderungan ilmiah yang tertambat kukuh dalam jiwanya telah mendorong beliau melanjutkan pengajian di beberapa buah sekolah pondok antaranya Sekolah Pondok Syeikh Wan Ahmad di Bukit Chandan di Kuala Kangsar, Pondok Tuan Hussein al-Mas'udi di Kedah, Pondok Syeikh Ahmad Fatani yang terletak di Bukit Mertajam dan menamatkan pengajiannya di Pondok Tok Kenali di Kelantan (Tajuddin Saman, 1993). Pada tahun 1924, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir. Berkat kesungguhan beliau menimba ilmu, beliau telah berjaya merangkul ijazah 'Aliyah dalam bidang Pengajian Islam.

Sepanjang hidupnya, beliau telah melakukan pengembaraan ilmiahnya di tiga tempat utama iaitu Mekah, Tanah Melayu dan Mesir. Antara guru-gurunya di Tanah Melayu ialah Syeikh Wan Muhammad bin Wan Husain di Bukit Chandan, Tuan Husain Mohd Nasir al-Mas'udi al-Banjari di Kedah, Tok Kenali di Kelantan dan lain-lain. Manakala di Mesir, Syeikh Mahmud Ghunaym (pensyarah di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar), Syeikh Muhammad Bahith (ulama' mazhab Hanafi), Syeikh Abu al-A'la al-Falaki (guru ilmu falak), al-Ustaz 'Abdul Wasif bin Muhammad (pentashih Kamus al-Marbawi) dan al-'Allamah al-Makki al-Syeikh Muhammad 'Ali al-Maliki (dinyatakan dalam mukadimah kitab *Bulugh al-Maram* serta *Terjemah Melayu*) (Faisal Ahmad Shah, 2007).

Setelah beliau menamatkan pelajarannya sehingga mendapat Ijazah 'Aliyah, beliau menetap di Mesir bersama isterinya dan menjalankan perniagaan sendiri melalui penubuhan sebuah percetakan yang dinamakan al-Matba'ah al-Marbawiyah pada tahun 1927. Penubuhan percetakan tersebut bertujuan mencetak dan membekal kitab-kitab Arab dan Jawi (Faisal Ahmad Shah, 2007). Selain daripada mencetak buku Arab dan Jawi, minat yang mendalam terhadap penulisan mendorong beliau untuk menulis dan menterjemah buku Arab serta mentashihkan kitab-kitab jawi sebelum diterbitkan oleh syarikat percetakan lain. Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang keilmuan, al-Marbawi telah menghasilkan pelbagai jenis karya seperti kamus, kitab-kitab tafsir, kitab-kitab hadis dan buku-buku berkaitan bidang Fiqh dan Tasawwuf. Karya-karya yang beliau hasilkan melebihi 20 buah karya dan kebanyakan hasil karya beliau diterbitkan oleh *Percetakan Mustafa al-Babi al-Halabi* yang merupakan antara syarikat percetakan terbesar di Mesir. Antara karya yang dihasilkan beliau adalah Kamus al-Marbawi, Kitab Perbendaharaan Ilmu, Tafsir Quran al-Marbawi Juzuk Alif Lam Mim, Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin dan banyak lagi.

Sejarah Penulisan Kamus Al-Marbawi

Kamus al-Marbawi merupakan karya paling awal dihasilkan dan sangat masyhur sekitar tahun 1925. Penulisan kamus ini adalah hasil desakan guru beliau semasa

berada Mesir iaitu Syeikh Abu al-A'la al-Falaki. Kamus Idris al-Marbawi ini dikarya dengan tujuan dapat membantu pelajar-pelajar Melayu yang menuntut pelajaran dalam Bahasa Arab, nahu dan sorof. Kamus Idris al-Marbawi menggunakan kosa kata Bahasa Arab secara umum dengan tidak menfokuskan isinya hanya kepada bidang-bidang tertentu. Sehingga dapat ditemui dalamnya kamus tentang manusia, haiwan, tumbuhan, tingkah laku manusia, sifat, dan lain-lain menjadikan ia sebagai kamus umum.

Pada peringkat awal, kamus ini dicetak oleh beliau sendiri melalui percetakan kepunyaannya iaitu *al-Matba'ah al-Marbawiyah* di Kaherah, Mesir. Penulisan kamus ini bermula dengan pendahuluan yang mengandungi kaedah dan tatacara penggunaan kamus diikuti dengan penjelasan simbol-simbol yang digunakan dan diakhiri dengan perbincangan tentang hukum bergambar. Kamus ini disusun mengikut urutan abjad *hija'iyah* dan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama bermula dengan huruf alif (ا) hingga huruf ain (ع) manakala bahagian kedua pula bermula dengan huruf ghain (غ) hingga ya' (ي). Susunan kamus disusun berdasarkan urutan abjad dan menggunakan kata dasar bukan huruf pertama pada setiap kata. Contohnya *تأبب* (Muhammad Idris, n.d) maksudnya perlu dicari pada abjad ا. Ini kerana kata dasar bagi kalimah tersebut adalah *أب*. Oleh itu sebelum seseorang berkehendak mencari makna bagi kata-kata tertentu dalam kamus Marbawi ini, perlu untuk mengetahui kata dasar bagi kalimah tersebut terlebih dahulu. Bahasa bagi tulisan jawi yang digunakan dalam kamus ini adalah Bahasa Melayu (Hadian Rizani, 2014).

Menurut Idris al-Marbawi, kamus ini adalah hasil usahanya menelaah kitab-kitab Bahasa Arab yang tebal dan kerana ketidakpuasannya terhadap kamus-kamus Melayu yang ada sebelumnya. Kosa-kata yang ada di dalamnya juga banyak diambil dari beberapa kamus Arab lama seperti kamus *al-Ashri*. Kamus ini mudah digunakan oleh mereka yang terbiasa dengan tulisan Arab-Melayu. Cara penyampaiannya jelas menggunakan bahasa yang sederhana dan kata yang biasa digunakan dalam kehidupan seharian. Kebanyakan muka surat kamus tersebut disertai dengan gambar yang boleh membantu penggunaannya memahami maksud yang ingin disampaikan (Hadian Rizani, 2014).

Kaedah Penyusunan Kamus al-Marbawi

Kamus Idris al-Marbawi (kamus bahasa Arab ke Melayu) merupakan kamus yang pertama di Tanah Melayu yang masih digunapakai sehingga sekarang. Kewujudan kamus ini diakui telah membantu para pelajar di Malaysia untuk memahami bahasa Arab dengan lebih baik (Nordin et al, 2018). Kajian analisis yang dibuat oleh ar-Roisy (2018) terhadap karya ini mendapati bahawa terdapat empat jenis kriteria kamus yang baik yang telah dipenuhi oleh kamus ini iaitu kelengkapan, kecermatan, keringkasan dan kemudahan pemahaman. Kamus ini dilengkapi dengan 700 gambar di juz pertama dan 500 gambar di juz kedua yang membantu pengguna kamus dalam memahaminya. Klasifikasi Kamus al-Marbawi merupakan jenis kamus sederhana kerana di dalamnya mengandungi 36,000 kosakata.

Terdapat juga pengkaji yang memfokuskan kepada sumbangan al-Marbawi dalam bidang perkamusan bahasa Arab di Indonesia, menerusi kajian oleh Busro (2016). Kajian oleh Rizani (2014) pula menganalisis metode dan isi kandungan kamus al-Marbawi. Beliau menyatakan bahawa metode kamus al-Marbawi diakui telah mencapai standard yang tinggi selain memiliki isikandungan yang lengkap.

Apa yang jelas, belum ada kajian terperinci yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini dalam aspek halal dan haram haiwan yang dinyatakan dalam kamus al-Marbawi. Sebagai rumusan, pengkaji sekali lagi ingin menegaskan akan keperluan kajian lanjutan dibuat terhadap karya-karya ulama Melayu klasik yang telah dinyatakan di atas, dalam aspek yang belum pernah diterokai oleh pengkaji terdahulu, iaitu penerokaan hukum haiwan halal dan haram. Kajian yang bakal dijalankan ini diharap dapat melengkapkan kelompongan ruang dalam kerangka keilmuan yang belum diisi oleh pengkaji terdahulu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan analisis tekstual. Pendekatan kualitatif ini juga tidak bertujuan untuk membuktikan hipotesis dan teori tetapi melibatkan proses induktif yang menyebabkan rekabentuk kajian berkembang semasa penyelidikan dijalankan. Malah pendekatan kualitatif ini juga tidak bertujuan untuk membuat generalisasi tetapi untuk mendapatkan makna dan pemahaman yang mendalam tentang fenomena dikaji daripada perspektif peserta kajian. Pendekatan kualitatif adalah lebih holistik di peringkat awal kajian (kutipan data) dan di penghujung kajian (analisis data) (Merriam, 2009).

Dalam kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan metode analisis tekstual. Ia adalah salah satu teknik bagi mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Dalam proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan metode analisis tekstual kerana ia merupakan pendekatan yang penting bagi pengkaji untuk metode penulisan ulama alam Melayu. Metode analisis tekstual bererti satu cara untuk pengambilan data-data yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Pengkaji mengumpul data daripada sumber primer dan sekunder yang melibatkan rujukan terhadap Quran dan hadith, karya-karya ulama alam Melayu, dan artikel terkini. Bagi artikel ini, kajian ditumpukan kepada Kamus al-Marbawi. Selain itu, pengkaji juga merujuk pada database ilmiah atas talian yang disediakan oleh perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap Kamus al-Marbawi, hasil kajian dibentangkan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Spesis Haiwan Dalam Kamus al-Marbawi

KATEGORI	HAIWAN (ARAB)		HAIWAN (RUMI)	ISTILAH ZOOLOGI
	HALAL	HARAM		
HIDUPAN DARAT	عَزْر		Kambing	
	الغزال		Kijang	
	خَرُوفُ الْجَبَلِي		Kibash	
	التَّغْلَب		Sanglab/ binatang yang amat pandai memperdaya seterunya	
	بَقَرُ الْوَحْشِ		Lembu liar	
	الطَّبِيَّة		Kijang Betina	
	تَيْس		Kambing hutan jantan	
	جِأْرُ الْوَحْشِ		Keldai hutan/ Keldai liar	
	وَعِل		Kambing hutan	
	سَنْجَاب		Sanjab/ binatang jenis tupai	
	فَرَسُ الْبَحْرِ		Kerbau laut	
	عَجَل		Anak lembu jantan	
	بَقْرَة		Lembu	
	غِزَالُ الْمَسْك		Kijang ibu kasturi	
	مَعَز		Kambing	
	حَمَارَةُ الزَّرْد		Keldai betina	
	إَيْل		Rusa	
	أَرْوِيَّة		Kambing hutan	
	شَاة		Biri-biri jantan/ betina	
	سَمُور		Sebangsa binatang macam musang	
	يَرْبُوع		Binatang seakan-akan tikus Panjang kaki belakangnya	
	بَقْرُ هِنْدِي		Lembu bengkala	
	كَبِش		Biri-biri ekor besar	
	أَنْثَى الْأَيْل		Rusa	
	أَيْل		Unta	
	أَرْنَب		Arnab	

	قنفذ		Landak
		ذئب	Serigala
		دب أبيض	Beruang putih
		ظربان	Binatang sebesar kijang berwarna cenderung kehitam amat busuk
		حرباء	Sesumpah
		البور غوث	Kutu anjing
		نمر	Harimau bintang/ harimau berbintik
		جحش	Anak keldai
		فهد	Harimau bintang kecil terbesar ia daripada anjing dan bangkai
		فيل	Gajah
		بغل	Binatang yang beranak daripada himar jantan dan kuda betina
		كلب	Anjing
		قندر	Sebangsa binatang air ekornya
		أسد	Singa jantan
		ثعبان	Ular sawa
		دب	Beruang
		ابرد	Harimau bintang
		بنت وردان	Lipas
		ام اربع و اربعين / حريش	Lipan
		حلزون	Siput darat
		وزغة	Cicak
		افعى	Sawa/ ular besar

		ورل	Biawak pasir
		ضرو	Anjing perburuan
		نسناس	Binatang seperti orang, matanya satu, tangannya satu dan kakinya pun satu/ kera
		انسان الغاب	Binatang mawas/ orang hutan
		كلب الماء	Binatang memakan ikan
		نمس	Binatang cerpali
		كركدن	Badak sumbu
		فأرة البيش	Tikus racun
		حنش	Ular
		قمل	Binatang kutu yang memakan kepala manusia
		وشق	Harimau sebesar musang
		حلوف	Babi hutan
		ذراح	Binatang kecil bersayap
		قط نمر	Kucing hutan belang harimau
		دلوق	Binatang "dalakun"
		هبار	Monyet yang lebat bulu badannya
		خلد	Tikus turi atau tikus buta
		يغر	Binatang terkecil daripada anjing dan rendah kakinya
		رتيلاء	Labah-labah
		عقرب	Binatang akarab

		حية غير مضرة	Ular lidi
		سمندر	Binatang yang dikatakan orang tidak dimakan api dan hidup dalam air
		هزار	Burung yang amat manis bunyinya
		قرد	Beruk
HIDUPAN LAUT	سيف		Ikan todak
	شبوط		Nama ikan
		عنبر	Ikan lain daripada ikan paus panjangnya lebih kurang 60 kaki kepalanya besar
	ابرميس		Ikan sungai
	اطوم		Binatang laut ekornya seperti ikan ada bertangan tiada berkaki
	قرموط		Ikan sembilang
	انكلس		Ikan tilan
	رعاد		Ikan pengaku bila disentuh menjadi kaku tangan olehnya
	فقمة		Binatang laut ada mempunyai dua susu
	برغوث البحر		Udang laut
		ابو منشار	Yu parang, ikan gergahi
	ام الخبر		Sotong
	بورى		Ikan belanak
		حوت	Ikan paus
	سرطان		Ketam laut
	تمساح	Buaya	

		فظ	Binatang air rupanya amat hodoh dan mempunyai taring
		زجر	Ikan yang sangat besar didalam laut
		ابو قرن	Sejenis ikan laut
		قرش	Ikan yu
	دلفين		Ikan lumba-lumba
	خنزير البحر		Ikan lumba-lumba
	مشط		Ikan kapar
	جمبرى		Udang
	ورنك		Ikan pari
	HIDUPAN TERBANG	حيقطان	
حوصل			Burung undan
نعامة			Burung kaswari
اوز			Angsa
بط			Itik serati
سلوى			Burung salwa
رهو			Sebangsa burung yang banyak lawa ekornya
ديك رومي			Ayam turki
دجاج البري			Ayam liar, denak, ayam denak
فاق			Sebangsa burung air
تدرج			Kuang
برقش			Sejenis burung kecil ditanah arab
غرغر			Ayam piru
قبرة			Burung jambul
كروان			Burung warnanya berlinu?
عندليب			Sejenis burung manis suara
قنبرة			Burung jambul
انيس			Burung calung

	قبيح		Burung sang serot
	شنيق		Burung berek
	دجاجة		Seekor ayam, ayam betina
	حجل		Merpati merah paruhnya
	اوزة		Angsa
	بطه		Seekor itik
	يمامة		Burung terkukur
	ديك		Ayam jantan
	قرلي		Sebangsa burung air penakutnya
	سباني		Burung sawi
	شرشور		Sebangsa burung kecil merdu suara
	حذف		Burung belibis, itik kecil
	نحام		Sejenis burung kaki 198aying198
	حباري		Sejenis burung
		نسر	Burung oreng/riang
		طائر البحر	Burung laut
		لقلق	Burung rangkong
		جباحب	Kelip-kelip
		وطواط	Kelawar
		بوم	Burung hantu
		حدأة	Burung helang
		شرقرق	Burung pekaka
		زاغ	Gagak kecil
		خطاف	Burung 198aying-layang
		نسر	Burung rajawali
		زير	Binatang riang-riang
		نمل	Semut

		ذباب	Lalat
		يعسوب	Lebah jantan
		جلم	Burung helang
		خنفساء	Kumbang
		سبر	Jenis helang yang 199aying199 sayapnya dan besar
		سنونو	Burung 199aying- layang
		هدهد	Burung hud-hud yang berbagai warnanya
		لوالا	Sebangsa burung yang suka berpaling
		زريق	Sejenis burung terbesar
		حشرة	Binatang melata di bumi
		جعول	Anak burung kaswari
		باشق	Burung helang kecil
		ذباب البقر	Pikat
		ناموس	Nyamuk
		زنبور	Tebuan
		الغداڤ	Burung lebih besar dari burung oreng
		طاووس	Burung merak
		عقعق	Burung tompok- tompok hitam dan putih
		اڤة الكرم	Binatang memakan anggur
		صڤارية	Sejenis burung kuning bulu- bulunya

		صراد	Sejenis burung yang besar kepalanya, putih dadanya, menangkap burung kecil-kecil	
		ابو نقار	Sebangsa burung diam dalam lubang ditepi air	
		نقار الخشب	Burung belatuk	
		قطامي	Sebangsa helang yang amat besar lagi tajam pandangannya	
		بيغاء	Burung kakak tua	
		باز	Burung helang	
		اميرة النحل	Raja lebah	

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan didapati bahawa terdapat empat pengkategorian haiwan di dalam Kamus al-Marbawi iaitu hidupan darat, hidupan laut, hidupan terbang dan hidupan yang tidak diketahui hukum halal atau haram. Jumlah keseluruhan istilah haiwan adalah sebanyak 181 spesis. Alasan pengkategorian haiwan mengikut halal haram juga tidak disebut secara kelas, berkemungkinan hukumnya adalah berdasarkan apa yang telah ditentukan oleh para ulama dalam kitab fekah.

Bagi kategori pertama iaitu haiwan darat terdapat sekitar 71 spesis, masing-masing 26 haiwan halal dan 45 haiwan haram. Kebanyakan haiwan ini merupakan haiwan yang berasal dari istilah Bahasa Arab dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu berdasarkan kefahaman penulis Kamus. Sebahagian terjemahan ini pula masih kurang jelas kepada kefahaman pembaca kerana tidak istilah khusus yang tepat. Ini kerana penulis didapati mendefinisikannya berdasarkan fizikal luaran atau sifat haiwan sahaja. Contohnya *tha'lab* dijelaskan sebagai (binatang yang amat pandai memperdaya seterunya), *sammur* (binatang macam musang), *zarban* (binatang sebesar kijang bewarna cenderung kehitam amat busuk), *nisnas* (binatang seperti orang, matanya satu, tangannya satu dan kakinya pun satu), *kalb al-ma'* (binatang memakan ikan), *samundar* (binatang yang dikatakan orang tidak dimakan api dan hidup dalam air) dan *hizar* (burung yang amat manis bunyinya).

Selain itu, bagi hidupan laut, terdapat sekitar 17 spesis halal dan 8 spesis haram. Apa yang menarik ialah, tidak semua haiwan laut dari spesis ikan dikategorikan sebagai halal. Ini berbeza dengan hukum asal yang dinyatakan

menerusi hadis mengenai kehalalan ikan (Mohd Mahyeddin Mohd Salleh & Mohamad Najib Jaffar, 2019). Antara contoh ikan tidak halal menurut Kamus al-Marbawi ialah seperti ikan paus (*anbar*), yu parang/ikan gergahi (*abu minsyar*), ikan paus (*hut*), ikan sangat besar dalam laut (*zajr*) dan ikan yu (*qirsy*).

Manakala bagi hidupan terbang (burung) pula, terdapat 32 spesis halal dan 40 spesis haram. Sepertimana pendefinisian yang dilakukan terhadap haiwan darat iaitu berdasarkan fizikal dan sifat haiwan, keadaan yang sama berlaku kepada kategori hidupan terbang. Antara contohnya seperti *haiqithon* (burung berintik hitam putih), *rahwun* (sebangsa burung yang banyak lawa ekornya), *burqash* (sejenis burung kecil ditanah arab), *karwan* (burung warnanya berlinu), *qabj* (burung sang serot), *qarliy* (sebangsa burung air penakutnya), *liwala* (sebangsa burung yang suka berpaling), *ghudaf* (burung lebih besar dari burung oreng), *aq-aq* (burung tompok-tompok hitam dan putih), *abu naqar* (sebangsa burung diam dalam lubang ditepi air) dan *safariyah* (sejenis burung kuning bulu-bulunya).

Selain itu, masih terdapat 13 spesis haiwan yang belum dikenalpasti akan hukumnya. Antaranya ialah dari kategori darat seperti kanjaru, limur, zirafah, abu ka'b dan llama. Manakala daripada kategori hidupan terbang (burung) adalah seperti *na'na' al-ma'* (sejenis burung), *abu qarn* (burung tabang mentua), *ta'ir bahr* (burung laut), *bul bul*, *abu qirdan* (burung panjang kaki dan paruh dan ekornya pendek), *qadus* (burung laut), *qa' qa'* (spesis burung gagak) dan *ablaq* (burung berbelang hitam putih).

KESIMPULAN

Sumbangan Sheikh Mohd Idris al-Marbawi amat besar dalam dunia ilmiah. Menerusi Kamus al-Marbawi, ternyata telah membantu para pelajar di Malaysia untuk memahami bahasa Arab dengan lebih baik. Pengkategorian haiwan halal haram telah sedikit sebanyak membantu masyarakat untuk memahami secara lebih baik istilah-istilah haiwan yang terdapat dalam karya-karya ulama tanah Arab. Bagaimanapun, masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan khususnya dalam mencari definisi yang lebih tepat dan sesuai. Antara inisiatif yang boleh dicadangkan ialah mengaitkan setiap definisi haiwan tersebut dengan istilah zoologi supaya lebih difahami oleh masyarakat. Selain itu, setiap istilah haiwan juga perlu digambarkan secara visual yang lebih jelas dalam bentuk glosari haiwan yang sistematik.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian hasil kajian di bawah tajuk "Pembinaan Glosari Baharu Istilah Haiwan Halal Haram Berasaskan Karya Ulama Alam Melayu Melalui Pendekatan Analisis Tekstual Dan Zoologi" yang dibiayai oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM USIM di bawah kod penyelidikan: (PPPI/FSU/0122/USIM/15622).

RUJUKAN

Buku

- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh & Mohamad Najib Jaffar (2019). Halal Haram Haiwan Menurut Islam dan Fatwa di Malaysia. Nilai: Penerbit USIM.
- Muhammad Idris 'Abdul Rauf al-Marbawi, *Kamus Idris al-Marbawi*, jilid I, p. 1
- Tajuddin Saman. (1993). *Tokoh Ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. p.78
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation*. 2nd Edition. USA: Jossey-Bass A Wiley Imprint.

Jurnal

- Mohd Faez Mohd Shah & Noor Naemah Abdul Rahman. (2014). Kepentingan kaedah penyelidikan moden dalam fatwa semasa. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 4, 1242-1256. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ar-Roisy, I. M. (2018). *Analisis Kamus Idris Al-Marbawi" Arab-Melayu" Karya Muhammad Idris Abdul Ra'uf Al-Marbawi* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara).
- Azri, A. Z., & Ahmad, M. (2020). Tinjauan Literatur Terjemahan Istilah dalam Teks Agama [Literature Review of Terms Translation in Religious Text]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(4), 15-25.
- Muda, T. F. M. T. (2017). Pengetahuan Pelajar Unisza Terhadap Istilah Bahasa Arab Dalam Bidang Fikah. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 2(1).
- Muhammad Adib Samsudin, Anwar Fakhri Omar, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Mohammad Zaini Yahaya. 2014. Pengenalan Beberapa Istilah dalam Minhaj al-Talibin. Isu Syariah & Undang-undang Siri 20
- Nordin, M. N., Ghani, M. Z. A., Noor, F. N. M., & Budin, A. (2018). Sumbangan Sheikh Mohamed Idris Almarbawi Dalam Dakwah Islamiyyah Di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*, 1(1), 15-26.
- Rahim, R. A. A., Kahal, S. M., & Yusof, M. Y. (2016). Fiqah Versi Alam Melayu: Satu Analisis Sejarah. *Jurnal Fiqah*, 13, 139-162.
- Rizani, H. (2014). Kamus Idris Al-Marbawi Dalam Tinjauan Leksikologi (Analisis Metode Dan Isi). *Alfaz (Arabic Literatures for Academic Zealots)*, 2(2), 223-237.
- Thohari, F. (2013). Mengungkap Istilah-istilah Khusus dalam Tiga Rumpun Kitab Fikih Shāfi'īyyah. *AHKAM: Jurnal Ilmu Syariah*, 13(1).
- Hadian Rizani. 2014. Kamus Idris Al-Marbawi Dalam Tinjauan Leksikologi (Analisis Metode Dan Isi). *Jurnal Alfaz*. Vol 2 (2). P. 224-237

Tesis

- Faisal Ahmad Shah (2007), *Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Bahr al-Madhi*, (TESIS di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya) h. 90

Prosiding

Harun Baharudin & Muhd Shahrudin Mat Salleh. 2018. Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Istilah Fiqah Dalam Buku Teks Pendidikan Islam. Proceedings 6TH International Conference On Islamic Education: Rabbani Education 2018 (Icied 2018), hlm. 465- 473

Mahani Mokhtar. (1990). *"Syeikh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi: Sejarah dan Sumbangannya di Bidang Penulisan"* (Kertas Projek di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).